

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa baki peruntukan pertengahan tahun 2021 untuk pembangunan masyarakat Orang Asli dan berapa jumlah yang diperuntukkan untuk negeri Pahang khususnya di kawasan Parlimen Cameron Highlands.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2021, JAKOA telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM102.7 juta. Sehingga 22.8.2021 baki peruntukan pembangunan adalah sebanyak RM48.8 juta. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada JAKOA Negeri dan Agensi Pelaksana bagi tujuan pelaksanaan projek pembangunan yang telah dirancang pada tahun semasa.

Bagi tahun 2021, peruntukan pembangunan yang diperuntukkan untuk masyarakat Orang Asli di negeri Pahang adalah sebanyak **RM11,005,452.55** manakala peruntukan untuk parlimen Cameron Highlands adalah sebanyak **RM 4,865,075.00** meliputi projek infrastruktur dan ameniti sosial, ekonomi dan usahawan. Pecahan agihan peruntukan adalah seperti berikut;

Bil.	Projek	Peruntukan Keseluruhan Negeri Pahang(RM)	Peruntukan Parlimen Cameron Highlands (RM)
1.	Bina Baru TABIKA Orang Asli	1,000,000.00	1,000,000.00
2.	Bekalan Air Terawat	2,396,680.00	315,000.00
3.	Infrastruktur dan Ameniti Sosial	3,026,342.55	2,263,215.00
4.	Ekonomi	1,812,430.00	728,130.00
5.	Usahawan	180,000.00	46,730.00
6.	Bantuan Rumah	1,260,000.00	212,000.00
7.	Naiktaraf Jalan	1,330,000.00	300,000.00
	JUMLAH	11,005,452.55	4,865,075.00

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang telah dituduh di mahkamah sehingga hari ini kerana melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan sejak dikuatkuasakan dari tahun 2020 dan berapa jumlah denda yang telah dikutip oleh Kerajaan daripada kesalahan- kesalahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sepanjang tahun 2020 sehingga 27 September 2021, sebanyak 360 kes melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan telah disabitkan bersalah iaitu :

- a) 317 kes telah didenda dengan nilai denda keseluruhan berjumlah RM274,410;
- b) 19 kes telah dipenjara dengan pecahan berikut;
 - i) 15 kes penjara 21 hari dan ke bawah
 - ii) 2 kes penjara 1 bulan
 - iii) 1 kes penjara 3 bulan
 - iv) 1 kes penjara 6 bulan
- c) 5 kes didenda dan dipenjara;
 - i) 3 kes penjara 14 hari dan denda RM700.00 (bagi setiap kes)
 - ii) 1 kes penjara 1 bulan dan denda RM1000.00
 - iii) 1 kes penjara 3 bulan dan denda RM2000.00
- d) 17 kes diberi amaran; dan
- e) 2 kes menjalani hukuman khidmat masyarakat.

Sekian, terima kasih.